

02 OCT 2001

Bush-Mahathir

BUSH UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

Oleh:Salmy Hashim

WASHINGTON, 2 Okt (Bernama) -- Presiden George W. Bush menelefon Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Rumah Putih semalam dan memberitahu bahawa perang yang dilancar oleh negaranya terhadap keganasan adalah bagi "menentang kejahatan dan bukannya Islam."

Jurucakap Rumah Putih, Ari Fleischer berkata Presiden Bush juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana perutusan takziah Malaysia ekoran serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 Sept lalu.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa taktik dan bentuk kerjasama baru antarabangsa diperlukan bagi menghadapi ancaman terkini pengganas," kata Fleisher pada taklimat hariannya di Rumah Putih di sini.

Bush dan Dr Mahathir berbincang mengenai kesan serangan itu kepada ekonomi dan "mereka berhasrat berbincang lebih mendalam mengenainya pada mesyuarat ketua-ketua negara forum Apec (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik)" di Shanghai dari 20 hingga 21 Okt ini, katanya.

Sebelum itu, Bush mendakwa peperangan menentang keganasan telah mencapai kemajuan.

"Setakat ini, kita telah membeku akaun bank berjumlah AS\$6 juta yang dikaitkan dengan aktiviti pengganas. Kita membekukan 30 akaun al Qaeda di Amerika Syarikat dan 20 di luar negara. Dan ini baru permulaan," katanya semasa melawat sebuah agensi persekutuan.

Amerika Syarikat dilaporkan telah menempatkan 29,000 anggota tentera, dua kapal pengangkut kapal terbang, pasukan pendaratan dan beratus-ratus kapal terbang sebagai persediaan menyerang Afghanistan selain 17,000 anggota pasukan simpanan dan Pengawal Kebangsaan yang telah dikerah menjaga keselamatan negara.

Walaupun tenteranya telah bersedia, Bush mengakui bahawa "peperangan ini berbeza. Adalah sukar untuk mengharungi perang gerila dengan pasukan konvensional."

Beliau juga berkata pihaknya telah menerima 46 ikrar sokongan daripada daripada kumpulan-kumpulan seperti NATO, Asean, Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pertubuhan Negara-negara (benua) Amerika (OAS).

-- BERNAMA

SH MFJ RYN MOZ